



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْهَوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَري سَباه

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

19 SYAWAL 1446H / 18 APRIL 2025M

“HIDUP BERJIRAN ADALAH IBADAH”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

* وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا^ط وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾ (النساء: 36)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan mengingatkan semua jemaah agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan perkara yang ditegah-Nya. Agar demikian itu, kita semua akan diberikan ganjaran pahala serta diberikan keluasan rezeki dan nikmat sama ada di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini membicarakan khutbah bertajuk ***“Hidup Berjiran Adalah Ibadah”***.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baginda Nabi Muhammad SAW menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga adab-adab berjiran tetangga dalam kehidupan bermasyarakat. Perkara utama yang perlu diambil berat dalam kehidupan berjiran tetangga adalah berbuat baik

kepada mereka. Definisi “Jiran tetangga” jika mengikut konteks uruf (adat) kita, ialah empat puluh (40) rumah yang berdekatan dengan rumah kita yang dihitung dari empat arah mata angin (depan, belakang, sisi kanan dan sisi kiri).

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa` ayat 36 seperti yang dibaca pada permulaan khutbah tadi yang **bermaksud**: *“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh....”* Ayat ini menyebutkan berkenaan jiran yang terdiri daripada jiran dekat dan jiran jauh. Jiran yang dekat ialah jiran yang mempunyai pertalian keluarga, manakala jiran yang jauh pula bermaksud jiran yang tidak memiliki pertalian kekeluargaan.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya Allah SWT mengasihi hamba-hamba-Nya yang menjalin hubungan baik sesama jiran tetangga. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang **mafhumnya**: *“Tidak akan masuk syurga orang yang membuat jirannya tidak merasa aman daripada gangguannya.”* (HR Muslim)

Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan hadis ini, berkata: “terdapat dua pengertian bagi kalimah ‘tidak akan masuk syurga’. **Pertama**, orang yang membenarkan perbuatan buruk yang dilakukan terhadap jiran, sedangkan ia mengetahui bahawa perbuatan tersebut adalah haram. Atas dasar itu, orang tersebut dianggap kafir dan dia tidak akan memasuki syurga. **Kedua**, ia membawa maksud bahawa balasan tidak akan masuk ke dalam syurga ketika pintu-pintu syurga dibukakan untuk mereka. Akan tetapi, orang yang melakukan keburukan terhadap jirannya itu sebenarnya ditunda kemasukannya ke syurga melainkan setelah menerima balasan dan mendapatkan keampunan Allah

SWT. Setelah balasan dan keampunan diberikan, barulah orang tersebut dimasukkan ke dalam syurga.”

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Islam adalah agama yang sangat memuliakan jiran tetangga. Maka dengan itu, kita hendaklah mendidik diri kita terlebih dahulu untuk menjadi jiran yang baik. Mengapa kita diperintah untuk bersikap baik kepada jiran? Hal ini kerana, ia merupakan suruhan yang merupakan ibadah di mana Allah SWT dan Baginda Nabi Muhammad SAW memerintahkan umatnya untuk menunaikan hak-hak kewajipan berjiran. Perkara ini ditegaskan lagi melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawasanya Baginda Nabi SAW bersabda yang **mafhumnya:** *“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik terhadap jirannya”* (HR Muslim)

Imam Ibn Hajar al-Asqalani menukilkan perkataan Imam Ibn Battal yang berkata: *“Pada hadis ini terdapat penegasan tentang hak jiran tetangga, kerana Nabi SAW bersumpah atas hal itu. Di dalamnya terdapat pula penafian iman dari yang mengganggu tetangganya sama ada melalui perkataan ataupun perbuatan, dalam erti kata penafian iman yang sempurna”*.

Lalu, Imam Ibn Hajar berkata: *“Ada kemungkinan juga bahawa dia tidak diberikan balasan seperti mana layaknya mukmin yang sempurna iman, iaitu yang memasuki syurga sejak awal, atau mungkin kalimat ini dalam rangka penekanan larangan dan bukan makna zahir yang dimaksudkan.”*

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Umat Islam dilarang sama sekali menyakiti, mengganggu atau menyebabkan jiran tetangganya berasa tidak selesa. Antara perkara yang tidak patut dilakukan adalah meletakkan kenderaan di kawasan rumah jiran tanpa keizinannya, menghalang pintu pagar rumah jiran, membuat bising pada saat jiran sedang berehat atau sedang tidur, bersikap sombong terhadap jiran, tidak

membantu jiran ketika mereka mengalami kesulitan dan tidak menghormati jiran sama sekali. Perlu diingat bahawa jiran di dalam agama Islam bukanlah terhad kepada yang beragama Islam sahaja, akan tetapi ia turut melangkaui batas agama dan bangsa.

Perkara tersebut sering dipandang remeh oleh sebahagian masyarakat, sehingga menidakkan hak-hak kewajipan hidup berjiran seperti yang diperintahkan oleh Islam. Oleh sebab itu, sebagai umat Islam yang baik, maka hendaklah kita tidak menjadi penyebab jiran berasa tidak selesa atau tersinggung dengan perbuatan, perkataan dan sikap kita terhadap mereka. Atas dasar itu, khatib menyeru kepada para jemaah sekalian agar cakna dalam menjaga hak-hak berjiran sebagai tanda kita umat Islam yang baik dan masyarakat yang harmoni.

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda **yang bermaksud:** *“Sesiapa yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti jirannya.”* (HR Bukhari dan Muslim)

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Menyimpul khutbah pada Jumaat ini, khatib ingin menyeru kepada para jemaah sekalian, marilah kita hayati beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam hidup berjiran:

- Pertama, berbuat baik kepada jiran serta menjaga adab tanpa mengira agama dan bangsa.
- Kedua, membantu jiran dalam kesusahan serta memberikan pertolongan jika diperlukan.
- Ketiga, menziarahi jiran yang sedang sakit dan bersimpati atas musibah yang dialami atau dilalui.
- Keempat, tidak mengganggu ketenteraman jiran serta menghormati adat, budaya dan agama masing-masing.

- Kelima, tidak membuka aib jiran serta menjaga pertuturan.
- Akhir sekali keenam, perbuatan menyakiti jiran hukumnya haram dan berdosa.

Dalam kehidupan bermasyarakat ini, kita tidak terlepas dari melakukan kesilapan dan kesalahan terhadap jiran tetangga sama ada kita sedar atau tidak. Seandainya kita pernah menyakiti jiran sebelum ini, berdamailah dengan cara baik dan binalah ukhuwah yang harmoni. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang mukmin itu bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin,
kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami
dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan
keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara
berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan
ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai.

Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan / maklumat lanjut.